

IRSYAD HUKUM

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
وعلي آله وصحبه أجمعين.

SOALAN

Ibubapa saya sedang sakit tenat di Hospital Queen Elezabert, penjelasan daripada Doktor yang bukan Islam ibubapa saya mempunyai harapan untuk sembuh jika disuntik dengan bahan yang mengandungi haram kerana tiada ubat selain ini.

Mohon penjelasan SS. Datuk Mufti.

Jawapan:

Persoalan berubat di dalam pandangan Islam adalah jelas suatu perkara yang diharuskan, bahkan ia boleh menjadi salah satu jenis ibadat jika dilakukan dengan niat yang baik seperti bertujuan untuk melaksanakan tuntutan syarak agar dapat beribadat kepada Allah dengan lebih sempurna.

Bagaimanapun berubat hanyalah dianggap sebagai salah satu sebab untuk mendapat kesembuhan dan yang menyembuhkan hanyalah Allah ta'ala. Dengan demikian disamping berubat, hendaklah disertai dengan Tawakal kepada Allah SWT.

Dalam surah al-Haj, ayat 78 Allah SWT telah berfirman:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya:

Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.

Dalam sebuah hadith pula, Rasulullah SAW telah bersabda:

عن أسامة بن شريك رفعه: " تداووا يا عباد الله، فإن الله لم يضع داء إلا وضع له شفاء، إلا داءً واحداً: الهرم "

(أخرجه أحمد والأربعة وصححه الترمذي)

Maksudnya:

Daripada Usamah bin Syarik daripada Nabi SAW, baginda bersabda: “*Berubatlah kamu sekalian, kerana sesungguhnya Allah tidak akan meletakkan sesuatu penyakit kecuali ditentukan sama ubatannya kecuali satu iaitu mati*”.

(Riwayat Ahmad dan Sunan yang empat dan sahih menurut at-Tarmizi)

Pada dasarnya ubat atau penawar yang dianjurkan supaya dipakai ialah ubat-ubatan yang bersih, suci, tidak diharamkan dan dapat diterima oleh naluri pesakit.

Jika ubat yang demikian tidak diperolehi atau tidak bersesuaian, maka barulah beralih kepada ubat-ubatan lain walaupun tidak bersih, tidak suci atau yang diharamkan.

Disisi syarak harus menggunakan ubat dengan benda-benda najis atau yang diharamkan adalah berdasarkan bahawa berubat itu merupakan salah satu bentuk dharurat, maka dalam keadaan dharurat itu diharuskan mengambil atau menggunakan sesuatu yang ditegah. Dalam surah al-An'am ayat 119 Allah set telah berfirman:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُررْتُمْ إِلَيْهِ

Maksudnya:

Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelih, pada hal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharam-Nya atas kamu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya.

Penjelasan ulama mazhab syafie mengenai ruang lingkup dharurah dijelaskan oleh Sheikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini rahimahullah, dalam kitab al-Mughni al-Muhtaj, jilid 4, hal. 306:

ومن خاف من عدم الأكل على نفسه موتاً أو مرضاً مخوفاً أو زيادته، أو طول مدته، أو انقطاعه عن رفقته، أو خوف ضعف عن مشي أو ركوب ولم يجد حلالاً يأكله ووجد محرماً، لزمه أكله لأن تاركه ساع في هلاك

Maksudnya:

Orang yang bimbang kerana tidak memakan sesuatu yang boleh mengancam nyawanya, berlaku kesakitan atau bertambah teruk, atau sakitnya itu berpanjangan, atau dikhuatiri menjadi lemah ketika berjalan atau menanggung kenderaan, dan tiada mendapati makanan yang halal melainkan makanan yang diharamkan, maka harus ia mengambil yang haram kerana meninggalkannya (tidak memakan) membawa kepada kemusnahan nyawa.

Oleh yang demikian dalam keadaan *dharurah* seumpama ini syarak telah mengharuskan mengambil bahan yang haram dalam perubatan sebagaimana menepati kaedah syarak seperti berikut

الضرورة تبيح المحظورات

Maksudnya:

Dharurah mengharuskan perkara yang dilarang.

Dalam mengambil ubat daripada bahan yang diharamkan ini mestilah menurut kadarnya sahaja, bukan untuk berlebihan atau untuk keselesaan berdasarkan kaedah syarak seperti berikut:

الضرورة تقدر بقدرها

Maksudnya:

Keadaan dharurah diukur dengan tingkatannya.

Rumusan

Hukum mengambil ubat daripada bahan yang tidak halal dalam keadaan *dharurah* dan terdesak adalah diharuskan disisi syarak bagi tujuan perubatan dengan syarat-syarat yang tertentu seperti berikut:

1. Dharurah itu benar-benar berlaku dan bukan menurut sangkaan atau andaian akan berlaku.
2. Orang yang berada dalam keadaan dharurah itu tidak ada pilihan ubat yang lain yang dibenarkan oleh syarak untuk mengubati penyakitnya itu.
3. Ketika memilih untuk mengambil ubat itu mestilah sekadar menurut keperluannya sahaja, bukan untuk berlebihan atau keselesaan.

والله تبارك وتعالى أعلم

Disediakan Oleh:

Pejabat Mufti Negeri Sabah

08 Mac 2007 M / 18 Safar 1427 H